# KENYATAAN AKHBAR
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
## 29 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 29 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **17,000 kes** (2,037,099 kes kumulatif, 91.2%);
- Kes baharu : **12,434 kes** (2,232,960 kes kumulatif);
- Kes import : **8 kes** (8 warganegara);
- Kes tempatan : **12,426 kes** [11,591 warganegara (93.3%); 835 bukan warganegara (6.7%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **979 kes** (871 kes COVID-19; 108 kes *suspected, probable,* dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **565 kes** (378 kes COVID-19; 187 kes *suspected, probable,* dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **5,462 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,338 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,124 kluster**.

Daripada **12,434 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **207 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **12,227 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web COVIDNOW di https://covidnow.moh.gov.my.

**<u>NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19</u>**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan ***Wash, Wear*** dan ***Warn***).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
29 September 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19**
**MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA**
**(SEHINGGA 29 SEPTEMBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | PURATA KES 7 HARI* | KADAR INSIDEN ** | BILANGAN KES BAHARU ( ) *** | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---|---|---|---|---|
| SARAWAK | 2,596 | 88.10 | 2,967 | 207,137 |
| SELANGOR | 1,641 | 24.07 | 1,362 (3) | 675,722 |
| JOHOR | 1,481 | 37.21 | 1,289 (3) | 194,604 |
| KELANTAN | 1,095 | 54.81 | 1,125 | 114,076 |
| SABAH | 1,080 | 26.26 | 1,000 | 196,980 |
| PULAU PINANG | 975 | 53.39 | 863 | 129,446 |
| PERAK | 911 | 51.34 | 971 | 101,316 |
| KEDAH | 747 | 32.48 | 652 (1) | 133,802 |
| PAHANG | 704 | 26.74 | 663 | 64,020 |
| TERENGGANU | 663 | 50.29 | 612 | 54,919 |
| MELAKA | 343 | 35.23 | 375 | 58,151 |
| WP KUALA LUMPUR | 274 | 14.25 | 284 | 185,802 |
| NEGERI SEMBILAN | 150 | 12.80 | 169 (1) | 97,112 |
| PERLIS | 60 | 22.60 | 79 | 3,795 |
| WP PUTRAJAYA | 23 | 23.83 | 18 | 6,116 |
| WP LABUAN | 4 | 3.42 | 5 | 9,962 |
| **MALAYSIA** | **12,746** | **37.23** | **12,434 (8)** | **2,232,960** |

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)
**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk
***Kes import

**LAMPIRAN 2**

**Perincian 12,434 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 29 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:**

| NEGERI | JUMLAH KES | KLUSTER | KONTAK RAPAT | IMPORT A* | LAIN-LAIN |
|---|---|---|---|---|---|
| **SARAWAK** | 2,967 | 89 | 1,196 | - | 1,682 |
| **SELANGOR** | 1,362 | 82 | 824 | 3 | 453 |
| **JOHOR** | 1,289 | 172 | 610 | 3 | 504 |
| **KELANTAN** | 1,125 | 33 | 714 | - | 378 |
| **SABAH** | 1,000 | 43 | 532 | - | 425 |
| **PERAK** | 971 | 12 | 553 | - | 406 |
| **PULAU PINANG** | 863 | 22 | 291 | - | 550 |
| **PAHANG** | 663 | 139 | 403 | - | 121 |
| **KEDAH** | 652 | - | 411 | 1 | 240 |
| **TERENGGANU** | 612 | 17 | 468 | - | 127 |
| **MELAKA** | 375 | 49 | 51 | - | 275 |
| **WP KUALA LUMPUR** | 284 | 17 | 137 | - | 130 |
| **NEGERI SEMBILAN** | 169 | 34 | 63 | 1 | 71 |
| **PERLIS** | 79 | - | 24 | - | 55 |
| **WP PUTRAJAYA** | 18 | - | 8 | - | 10 |
| **WP LABUAN** | 5 | 1 | 3 | - | 1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **12,434** | **710** | **6,288** | **8** | **5,428** |

***** Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 3**

## KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 29 SEPTEMBER 2021

| NO | NAMA KLUSTER | KATEGORI KLUSTER | NEGERI | DAERAH | JUMLAH KES | JUMLAH DISARING |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Perindustrian Firma Tebrau Satu | Tempat Kerja | Johor | Johor Bahru | 54 | 95 |
| 2 | Industri Jalan Mahsuri Kluang Dua | Tempat Kerja | Johor | Kluang | 40 | 410 |
| 3 | Jalan Desaru Penawar | Tempat Kerja | Johor | Kota Tinggi | 22 | 43 |
| 4 | Industri Sri Sulong 27 | Tempat Kerja | Johor | Batu Pahat | 16 | 51 |
| 5 | Jalan Sri Aman 2 | Tempat Kerja | Kelantan | Pasir Puteh | 8 | 15 |
| 6 | Lorong Minyak Gas | Tempat Kerja | Kelantan | Kota Bharu dan Pasir Mas | 7 | 19 |
| 7 | Taman Baru Bera | Tempat Kerja | Pahang | Bera dan Temerloh | 27 | 109 |
| 8 | Industri Dua Jalan Tiga Kompleks Perabut | Tempat Kerja | Selangor | Kuala Langat dan Klang | 14 | 59 |
| 9 | Jalan Buku Lima | Tempat Kerja | WP Kuala Lumpur | Titiwangsa | 10 | 39 |
| 10 | Kampung Telaga Bata Sering | Komuniti | Kelantan | Kota Bharu | 10 | 13 |
| 11 | Kampung Rasal Tok Uban | Komuniti | Kelantan | Pasir Mas | 8 | 8 |

| NO | NAMA KLUSTER | KATEGORI KLUSTER | NEGERI | DAERAH | JUMLAH KES | JUMLAH DISARING |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | Kampung Paloh Kubang Sepat | Komuniti | Kelantan | Pasir Mas | 7 | 15 |
| 13 | Jalan Masjid Lati | Komuniti | Kelantan | Pasir Mas | 7 | 7 |
| 14 | Paya Luas Kuala Krau | Komuniti | Pahang | Temerloh | 27 | 42 |
| 15 | Mokodou | Komuniti | Sabah | Ranau | 94 | 146 |

LAMPIRAN 4

**NILAI $R_T$ MENGIKUT NEGERI**
**BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN**
**PADA 28 SEPTEMBER 2021**

| NEGERI | NILAI $R_T$ |
|---|---|
| **WP PUTRAJAYA** | 1.01 |
| **TERENGGANU** | 1.00 |
| **PAHANG** | 0.99 |
| **PERLIS** | 0.98 |
| **SARAWAK** | 0.96 |
| **KELANTAN** | 0.96 |
| **PERAK** | 0.96 |
| **MELAKA** | 0.96 |
| **JOHOR** | 0.93 |
| **PULAU PINANG** | 0.88 |
| **NEGERI SEMBILAN** | 0.88 |
| **SELANGOR** | 0.87 |
| **KEDAH** | 0.86 |
| **SABAH** | 0.85 |
| **WP KUALA LUMPUR** | 0.84 |
| **WP LABUAN** | 0 |
| **MALAYSIA** | **0.88** |